

# GST untuk kemajuan, tingkat pembangunan negara

SELASA 8/5/18 BERITA HARAPAN M/S 75

**A**lhamdulillah esok, kita rakyat Malaysia bakal menjalankan tanggungjawab untuk mengundi dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14). Ramai rakan-rakan yang tidak sabar untuk keluar mengundi setelah sekian lama berkempen dan 'dikempen'.

Bagi kita yang bukan ahli politik pun terasa penat. Bayangkan apa perasaan ahli politik yang terbabit secara langsung dalam PRU-14 ini. Kita menghargai mereka yang secara sukarela menandatangani diri untuk bertanding dan berkhidmat kepada rakyat. Tidak kira sama ada menang atau kalah, kedua-duanya memerlukan pengorbanan tenaga, wang dan masa ke-luarga.

Sekiranya menang, sebahagian daripada mereka berpeluang memegang jawatan dalam pentadbiran yang pendapatannya mungkin tidak setimpal dengan tanggungjawab berat yang dipikul. Sekiranya mereka kalah, lagilah berat kerana mungkin terpinggir dari kancang politik negara sekarang-kurangnya selama lima tahun.

Dalam tempoh kempen, pelbagai isu telah dibangkitkan. Antara yang paling kerap dibicarakan ialah Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Izinkan saya menyentuh lima perkara berkenaan GST yang diperkenalkan tiga tahun yang lalu, pada 1 April 2015:

→ GST 6 peratus ini menggantikan cukai jualan 10 peratus dan cukai perkhidmatan 6 peratus. Ia bukan

cukai tambahan.

→ Kadar 6 peratus yang dikenakan yang terendah di ASEAN dan antara yang terendah di dunia. Sebanyak 160 negara melaksanakan GST atau Value Added Tax (VAT). Sebagai contoh, kadar di Singapura 7 peratus, Thailand 7 peratus, Indonesia 10 peratus, Vietnam 10 peratus, Filipina 12 peratus, Di Australia 10 peratus dan di United Kingdom (UK) jauh lebih tinggi, iaitu 20 peratus.

→ Untuk mengurangkan kesan kenaikan harga barang kepada rakyat, kerajaan telah memperluaskan senarai barangan asas yang dikenakan kadar sifar atau terkecuali dari GST. Ini termasuk barangan makanan asas seperti beras, gula, minyak masak, ayam, daging, ikan dan sebagainya, ubat-ubatan, buku dan minyak petrol RON95 serta diesel.

→ Semasa pelaksanaan GST diumumkan dalam Bajet 2014 pada 25 Oktober 2013, kerajaan juga mengumumkan langkah pengimbangan atau *offset measures* seperti pengurangan cukai pendapatan individu antara satu hingga tiga peratus, pengurangan cukai pendapatan korporat daripada 25 peratus kepada 24 peratus dan pengurangan cukai perusahaan kecil dan sederhana daripada 20 peratus kepada 19 peratus.

Pemberian BR1M isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah sebulan juga ditingkatkan daripada RM500 kepada RM650, manakala isi rumah berpendapatan RM3,000

- 4,000 sebulan mula diberikan BR1M RM450 buat kali pertama.

Seterusnya dalam Bajet 2015, jumlah BR1M dinaikkan masing-masing kepada RM950 dan RM750. Untuk individu bujang berpendapatan RM2,000 ke bawah pula, BR1M dinaikkan kepada RM350. Ini semua bertujuan untuk meningkatkan impak kenaikan harga barang.

→ Tujuan asal pelaksanaan GST untuk memperluaskan asas per-cukuaian negara memandangkan kita hanya ada dua juta pembayar cukai pendapatan. Satu jumlah yang kecil berbanding jumlah rakyat Malaysia seramai 30 juta. GST ialah cukai penggunaan (*consumption or indirect tax*) dengan mereka yang berbelanja lebih adalah daripada kalangan mereka yang berpendapatan lebih.

## Cadangan hapus GST

Ini juga selaras dengan langkah konsolidasi fiskal yang menyasar-kan bajet seimbang dalam jangka masa pertengahan. Dengan peningkatan pendapatan kerajaan, kita bukan saja dapat mengurangkan defisit fiskal kita, malah dapat melaksanakan banyak projek pembangunan yang tertangguh sebelum ini seperti pembinaan lebuh raya, jalan raya, jambatan, sekolah, hospital dan klinik desa. Ini termasuklah pembinaan lebuh raya Pan Borneo yang sedang rancang pembinaannya dan dijangka siap pada 2022.

Terdapat cadangan untuk meng-

hapuskan GST dan berbalik kepada sistem percukaian lama iaitu Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Bagi saya ini suatu langkah yang ke belakang atau *regressive* dan boleh membahayakan ekonomi. Ini kerana kutipan GST pada 2017 ialah sebanyak RM42 bilion dan dijangka meningkat kepada RM44 billion tahun ini, berbanding kutipan SST RM17 bilion pada 2014. Sekiranya GST dimansuhkan, terdapat kekurangan pendapatan sebanyak RM27 bilion (2 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar - KDNK).

Sekiranya ini berlaku, kerajaan ada tiga pilihan. Pertama, menaikkan cukai pendapatan atau memperkenalkan cukai baharu seperti cukai keuntungan modal (*capital gains tax*).

Kedua, mengurangkan perbelanjaan termasuk perbelanjaan pembangunan. Ini bermakna membatalan atau menanggungkan projek pembangunan yang telah dihuluskan sebelum ini.

Atau ketiga, meningkatkan defisit fiskal kepada 5 peratus. Semua opsiyen itu amat berbahaya kerana boleh menjejaskan pasaran modal dan mengakibatkan penarafan kredit hutang antarabangsa negara kita diturunkan daripada paras A3/A kepada BBB. Ini sudah tentu akan meningkatkan kos pinjaman dan memudaratkan ekonomi negara.

Saya berharap sistem GST akan dikekalkan. Perhatian boleh diberikan kepada memperbaiki lagi

pelaksanaan program dan projek yang dapat memberikan lebih peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat dan mempertingkatkan kesejahteraan rakyat. Ini selaras dengan matlamat model baru ekonomi yang menyasarkan Malaysia menjadi sebuah negara maju yang inklusif dan mampan.

## Amal prinsip Rukun Negara

Menjelang esok, saya menyeru rakan-rakan mengamalkan tiga perkara berikut:

→ Keluar mengundi seawal mungkin kerana ini ialah hak kita sebagai warganegara Malaysia.

→ Jangan membentarkan pendapat politik memecah-belahkan atau mengasingkan keluarga. Silaturahmi perlu dikekalkan.

→ Menerima keputusan dengan hati terbuka, merapatkan saf dan bersatu membangunkan negara.

Marilah kita bersama-sama memainkan peranan masing-masing, bersikap membina dan menghayati/mengamalkan prinsip Rukun Negara, iaitu Keperayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Kesopanan dan Kesusilaan.

Selamat mengundi dan salam hormat.

**Tan Sri Abdul Wahid Omar,**  
Pengerusi Permodalan Nasional Berhad